

Pameran tiga hari mengenai Mahathir

UM - 25/3/2006

ALOR STAR 24 Mac – Pameran Tun Dr. Mahathir Mohamad – Rakan Jiran Lorong Kilang Ais hari ini dibuka kepada orang ramai di ruang legar Hotel Seri Malaysia, di sini.

Pameran selama tiga hari itu memaparkan koleksi gambar keluarga, rakan, jiran tetangga serta guru yang terlibat secara langsung dalam perkembangan minda Dr. Mahathir sejak dilahirkan sehingga menjawat jawatan Perdana Menteri keempat.

Pengurus Besar Seri Malaysia, Abdul Wahab Md. Osman berkata, program kerjasama dengan Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir (IPDM) Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Arkib Negara itu bermula pukul 9 pagi hingga 9 malam.

“Kebanyakan kisah kejayaan Dr. Mahathir kita dah tahu. Jadi, pameran ini menceritakan kisah di sebalik kejayaan beliau melalui ingatan orang lama, jiran dan rakan yang sezaman dengan beliau.

“Malam ini juga satu majlis makan malam akan diadakan untuk menghimpunkan bekas warga Lorong Kilang Ais yang terpisah lama.

“Ada yang sehingga 40 tahun tidak berjumpa. Jadi, ini peluang terbaik berkumpul dan bertukar-tukar kisah lama mengenai pengalaman mereka bersama Dr. Mahathir ketika beliau kecil,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Antara koleksi yang dipamerkan termasuk gambar serta replika rumah asal Dr. Mahathir, tempat beliau dilahirkan 81 tahun lalu di Lorong Kilang Ais selain rumah jiran-jiran yang dikekalkan dan kini dijadikan muzium tatapan umum.

Turut dipamerkan ialah gambar kilang ais yang terletak berhampiran rumah kelahiran Dr. Mahathir – kilang ais pertama di Alor Star – bertujuan untuk memberi gambaran mengenai operasi sebuah kilang ais pada masa itu.

Kilang ais tersebut juga dianggap sebagai lambang kegigihan Dr. Mahathir apabila beliau berjaya menjadi seorang doktor dan seterusnya pemimpin negara yang tersohor meskipun terpaksa menuntut ilmu dalam suasana bising dari kilang tersebut.

Selain itu pameran tersebut memuatkan potret keluarga Dr. Mahathir yang dirak-



ABDUL Wahab Osman (kanan) dan Norshafinaz Abdul Shukur melihat replika rumah kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad pada pameran Rakan Jiran Lorong Kilang Ais di Hotel Seri Malaysia, Alor Star, Kedah, semalam.

kamkan pada 1935, jiran yang mengenali beliau sejak kecil dan gambar bersama

rakan ketika belajar di Sekolah Melayu Laki-Laki Seberang Perak, Alor Star.